# KRISIS GUNA TENAGA DALAM SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA

**Oleh:**
**Wan Nuraliya Afifah Binti Wan Ramli**
**Md Sobri Bin Md Yusoff**

**Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar**



# PENGENALAN

# PENGENALAN

Sektor pertanian mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi dengan menyokong sektor pembuatan dan perkhidmatan (berasaskan pertanian) serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Gangguan rantaian global dan domestik yang berpunca daripada krisis COVID-19 memberi kesan kepada ekonomi Malaysia pada awal 2020. Sektor pertanian turut terkesan menyebabkan aktiviti tersebut bergerak pada kadar yang perlahan dan terkawal. Aktiviti pertanian dikategorikan sebagai Perkhidmatan Perlu "*essential services*".

Kekurangan guna tenaga dan purata umur pekerja yang lebih tinggi telah menyumbang kepada peningkatan kos pengeluaran yang seterusnya menjejaskan kedudukan Malaysia dalam pengeluaran dan eksport terutama komoditi utama di dunia.

# PENGENALAN (samb.)

BERITA >Semasa

## Kekurangan buruh sektor perladangan di tahap kritikal

Oleh MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL 28 Mei 2021 02:15pm Masa membaca: 2 minit



SERDANG - Sektor perladangan di Malaysia mengalami masalah kekurangan tenaga kerja yang kritikal ketika ini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan berkata, sejak awal tahun lalu, seramai 1.7 juta pekerja asing direkodkan bekerja di negara ini dalam pelbagai sektor.

Bagaimanapun, katanya, angka itu menurun kepada 1.2 juta selepas ramai yang pulang ke negara asal susulan penularan wabak Covid-19, ditambah dengan pembekuan pengambilan pekerja oleh kerajaan.

Beliau berkata, ketika ini hampir setengah juta tenaga kerja diperlukan di pelbagai sektor di negara ini terutama perladangan.

**Sinar Harian: 28 Mei, 2021**

## Kekurangan tenaga kerja asing, sektor perladangan sawit rugi RM10.46 bilion

Oleh Suzalina Halid - Julai 19, 2022 @ 3:30pm
suzalina@bh.com.my




KUALA LUMPUR: Sektor perladangan kelapa sawit dianggarkan mengalami kerugian sebanyak 7.52 juta tan membabitkan nilai RM10.46 bilion bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini berikutan kekurangan tenaga kerja asing.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata sehingga kini, perladangan kelapa sawit mengalami kekurangan seramai 28,940 pekerja sebagai penuai dan pemungut buah tandan segar (BTS) di ladang.

Mengulas lanjut, katanya, dianggarkan sebanyak 57,880 tan BTS sehari tidak dapat dituai dengan mengambil kira purata produktiviti seorang pekerja sebanyak dua tan.

"Bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini, purata kekurangan pekerja di sektor perladangan kelapa sawit dianggarkan sebanyak 54,190 orang dimana 53.4 peratus daripadanya adalah bagi kategori kerja penuaian dan pemungutan BTS.

**Berita Harian:19 Julai, 2022**

# PENGENALAN (samb.)

## Harian Metro:13 Julai, 2022

### Indonesia henti sementara hantar pekerja ke Malaysia

Reuters



Kuala Lumpur: Indonesia berkata pada Rabu bahawa ia telah menghentikan sementara penghantaran pekerja ke Malaysia, termasuk beribu-ribu yang diambil untuk sektor perladangan, berikutan pelanggaran perjanjian pengambilan pekerja yang ditandatangani antara kedua-dua negara.

Pembekuan itu merupakan tamparan terbaharu bagi Malaysia - pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia dan penghubung utama dalam rantaian bekalan global - yang menghadapi kekurangan kira-kira 1.2 juta pekerja yang boleh menjejaskan pemulihan ekonomi.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hermono, memberitahu Reuters pembekuan itu dikenakan selepas pihak berkuasa imigresen Malaysia terus menggunakan sistem pengambilan dalam talian untuk pembantu rumah yang dikaitkan dengan dakwaan pemerdagangan dan buruh paksa.

Operasi berterusan sistem itu melanggar syarat perjanjian yang ditandatangani antara Malaysia dan Indonesia pada April, bertujuan untuk meningkatkan perlindungan pekerja domestik, kata Hermono.

## Harian Metro:28 Julai, 2022

### Indonesia tarik balik pembekuan tenaga kerja ke Malaysia

Oleh Rafidah Mat Ruzki - Julai 28, 2022 @ 3:20pm
fidahruzki@bh.com.my



PUTRAJAYA: Kerajaan Indonesia bersetuju menarik semula sekatan kemasukan tenaga kerjanya ke negara ini, berkuat kuasa 1 Ogos ini.

Ia selepas kedua-dua negara bersetuju untuk mengintegrasikan sistem sedia ada, antara Jabatan Imigresen dan Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) bagi pengambilan Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) dan Tenaga Kerja Indonesia (TKI).

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan, dalam satu kenyataan berkata, persetujuan itu dicapai dalam Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama antara Malaysia dan Indonesia yang digariskan dalam Memorandum Persefahaman (MOU) berhubung PDI, semalam.

# METODOLOGI

# METODOLOGI

Kaedah kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan analisis data pentadbiran pelbagai sumber rasmi yang diterbitkan oleh beberapa agensi berkaitan

Pendekatan analisis kandungan dokumen menggunakan kaedah analisis kadar pertumbuhan tahunan bagi melihat **kadar perubahan peratus pada tahun semasa berbanding tahun sebelumnya.**

Formula yang digunakan dalam mengukur kadar pertumbuhan tahunan adalah seperti berikut:

$$\text{Kadar Pertumbuhan Tahunan (\%)} = \left[ \frac{\text{Jumlah Tahun Semasa} - \text{Jumlah Tahun Sebelum}}{\text{Jumlah Tahun Sebelum}} \right] \times 100$$

# DAPATAN DAN PERBINCANGAN

# Kesan pandemik COVID19 terhadap penglibatan guna tenaga warga asing.

Kebergantungan guna tenaga warga asing terhadap sektor Pertanian terutamanya pertanian tradisional mencapai sehingga 70 peratus (Utusan Malaysia, 2021)

Melalui dapatan Banci Ekonomi 2016 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia turut menyokong penglibatan pekerja Bukan Warganegara seramai 248.6 ribu orang melebihi pekerja Warganegara seramai 195.9 ribu orang dengan menjadikan jumlah keseluruhan jumlah pekerja sektor Pertanian pada tempoh berakhir 2015 seramai 444.5 ribu orang pekerja.

**Carta 1: Guna Tenaga Warga Asing Sektor Perladangan 2018 - 2020**




**Carta 2: Peratus Sumbangan Guna Tenaga Warga Asing, 2020 (%)**




Sumber: Jabatan Imigresen dan Kementerian Perusahaan dan Perladangan Komoditi

# Senario Guna Tenaga Sektor Pertanian Sebelum, Semasa dan Pasca Pandemik COVID-19

**2019**

- Jumlah jawatan yang diperlukan dalam sektor Pertanian pada 2019 iaitu sebelum COVID-19 adalah sebanyak 487.0 ribu jawatan di mana 94.2 peratus (458.7 ribu) jawatan diisi manakala kekosongan jawatan sebanyak 5.8 peratus (28.4 ribu).

**2020**

- Semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2020, jumlah jawatan menurun 3.0 peratus kepada 472.6 ribu jawatan dengan pewujudan jawatan merosot 70.8 peratus kepada 3.14 ribu jawatan berbanding 10.75 ribu jawatan pada 2019.

**2021**

- Prestasi guna tenaga pada Tahun 2021 menunjukkan pewujudan jawatan beransur pulih dengan peningkatan sebanyak 8.0 peratus (2021: 3.39 ribu, 2020: 3.14 ribu).

| Kategori | Tahun | | | | Pertumbuhan Tahuhan (%) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2019/ 2018 | 2020/ 2019 | 2021/ 2020 |
| **Jawatan** | 481.5 | 487.0 | 472.6 | 468.4 | 1.1 | -3.0 | -0.9 |
| **Jawatan Diisi** | 455.6 | 458.7 | 443.1 | 438.7 | 0.7 | -3.4 | -1.0 |
| **Kekosongan** | 25.9 | 28.4 | 29.5 | 29.8 | 9.7 | 3.9 | 1.0 |
| **Pewujudan Jawatan** | 9.15 | 10.75 | 3.14 | 3.39 | 17.5 | -70.8 | 8.0 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

# KADAR PERTUMBUHAN GUNA TENAGA SEKTOR PERTANIAN




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

# RUMUSAN DAN KESIMPULAN

# RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Sektor pertanian perlu diberi perhatian untuk melindungi guna tenaga sektor pertanian yang terjejas akibat kesan langsung penularan pandemik

**Inisiatif Pemulihan**

Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah disalurkan melalui MAFI pada 2020.

**Antara inisiatif pemulihan yang telah dilaksanakan adalah:**

- ✓ **Program MyFuture Agro** bagi mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada individu yang kehilangan pekerjaan;
- ✓ **Projek Pertanian Kebuniti** untuk membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan dan membantu dalam menjamin keselamatan makanan terutamanya kepada penduduk bandar dan pinggir bandar;
- ✓ **Program Agropreneur Muda (PAM)** diperkenalkan untuk membantu golongan usahawan muda agromakanan dengan menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM20,000; dan
- ✓ Rundingan kerjasama antarabangsa melalui Memorandum Persefahaman (**MoU)**

# RUJUKAN

# RUJUKAN


- Nurul Izzati Mohd Ali, Kadaruddin Aiyub, Lam Kuok-Choy, Saraswathy Kasavan, Rusinah Siron, Sharif Shofirun Sharif Ali (2022). Kesan pandemik COVID-19 terhadap jaminan bekalan makanan di Malaysia, Malaysia.
- DOSM. (2021). Indikator Pertanian Terpilih 2021. W.P. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- DOSM. (2022) Statistik Guna Tenaga Suku Tahun Kedua 2022. W.P. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- DOSM. (2016). Banci Ekonomi 2016 Tanaman W.P. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Rafidah Mat Ruzki (2022). Indonesia tarik balik pembekuan tenaga kerja ke Malaysia. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/981316/indonesia-tarik-balik-pembekuan-tenaga-kerja-ke-malaysia. Berita Harian Online.
- Reuters (2022). https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2022/06/962042/pekerja-ladang-indonesia-dihalang-masuk-ke-malaysia. Berita Harian Online.
- Ahmad Fadhlullah Adnan (2021). Pembinaan, pertanian guna 70 peratus pekerja asing. https://www.utusan.com.my/nasional/2021/10/pembinaan-pertanian-guna-70-peratus-pekerja-asing/.Utusan Online.
- Fahmy A Rosli (2020). Sekat pekerja warga asing dijangka jejas sektor pekerjaan. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/727235/sekat-pekerja-warga-asing-dijangka-jejas-sektor-pekerjaan. Berita Harian Online.
- Che Hashim Hassan (2009). Buruh Asing Di Malaysia: Trend, Kaedah, Kesan, Masalah Dan Cara Mengatasinya.
- KPPK (2022). Data Statistik Agrikomoditi. https://www.mpic.gov.my/mpi/statistik/stats-data-set. Kemnterian Perusahaan dan Perladangan Komoditi
- MOF (2020). Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). https://penjana.treasury.gov.my/ Kementerian Kewangan Malaysia.
- Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh (2020). Impak Sosioekonomi Daripada Penggajian Pekerja Asing Berkemahiran Rendah Dan Program Latihan Industri Antarabangsa Di Malaysia.
- PMO (2020). Pakej Ransangan Ekonomi 2020. https://www.pmo.gov.my/ms/pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin/.

# TERIMA KASIH

StatsMalaysia

www.dosm.gov.my

PERSIDANGAN STATISTIK MALAYSIA KALI KE 9

4 OKT. 2022 (SECARA MAYA) & 5 OKT. 2022 (ILSM, SUNGKAI, PERAK)

Jabatan Perangkaan Malaysia

Mendepani Ketidakpastian: Merungkai Strategi Pemulihan

Anjuran oleh: JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA, BANK NEGARA MALAYSIA, MALAYSIA INSTITUTE OF STATISTICS